

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN LIANG TECK MENG**
(SIMPANG RENGAM)
TARIKH : **02.04.2014 (RABU)**
NO. SOALAN : **39**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana hendak memupuk semangat keusahawanan di kalangan generasi muda.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedar akan kepentingan untuk memupuk dan membimbing usahawan di kalangan generasi muda. Sepertimana pepatah "Melentur buluh biar dari rebungunya", MITI melalui agensi di bawahnya iaitu SME Bank telah melaksanakan program Tanggungjawab Korporatnya, dengan mengambil inisiatif mengadakan satu program khas untuk mempromosikan bidang keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Program Tanggungjawab Korporat yang berbentuk pertandingan ini bertajuk, "Program Inovasi Usahawan Muda" atau dengan izin "*Y-Biz Challenge*". SME Bank telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelaksanaan program ini dan mendapatkan sokongan bagi menjadikan pertandingan

ini sebagai satu program khas (signature event) bagi SME Bank dan juga KPM.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memupuk dan membimbing pelajar di peringkat sekolah menengah untuk memenuhi kerjaya sebagai usahawan pada masa hadapan dengan menanam minat dan memberikan peluang kepada para pelajar mengembangkan kreativiti ilmu keusahawanan mereka. Melalui program ini juga, para pelajar akan memperoleh pengalaman dan pendedahan dalam bidang keusahawanan seterusnya untuk menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan.

Bagi golongan belia pula, melalui Bajet tahun 2013, SME Bank telah diberi tanggungjawab bagi membantu golongan belia terlibat dalam perniagaan. Untuk itu, Dana Usahawan Muda (Young Entrepreneur Fund-YEF), sebuah dana khas berjumlah RM50 juta diperkenalkan khusus untuk golongan belia yang berumur 18 hingga 30 tahun untuk memulakan perniagaan. Pewujudan dana ini merupakan salah satu strategi berterusan Kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan generasi muda di Malaysia. Di bawah dana ini, SME Bank menawarkan pembiayaan bagi memulakan perniagaan dan juga bagi memenuhi keperluan perniagaan sedia ada. Sejak dana ini dilancarkan pada pertengahan bulan Februari 2013, seramai 228 usahawan muda telah mendapat faedah dengan kelulusan pembiayaan mencecah hampir RM20 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SME Bank sejak penubuhannya pada tahun 2005, telah mula menawarkan program khusus untuk golongan graduan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan iaitu melalui Skim Usahawan Siswazah. Skim ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai siswazah lepasan pusat pengajian tinggi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan menjadikannya usahawan sebagai kerjaya mereka. Skim ini terbuka kepada pemegang Diploma/Ijazah daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang telah menamatkan pengajian tidak melebihi 15 tahun dan berumur tidak melebihi 40 tahun semasa permohonan dibuat. Dari tahun 2005 hingga Januari 2014, pembiayaan yang telah diluluskan di bawah Skim ini mencecah hampir RM120 juta dan sebanyak hampir 900 syarikat milik usahawan siswazah telah menerima faedah daripadanya.

Selain itu, SME Bank melalui anak syarikatnya iaitu *Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn Bhd* (CEDAR) turut menyediakan latihan keusahawanan kepada para graduan iaitu dengan izin "*Young Entrepreneur Program*" (YEP) dan Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS). YEP merupakan latihan keusahawanan untuk membimbing bakal usahawan bagi memulakan perniagaan yang berdaya maju, mempunyai nilai komersil dan berpotensi untuk berjaya. PIUS pula merupakan program keusahawanan yang dilaksanakan bertujuan untuk mempersiapkan para graduan yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan, dengan kemahiran dan pengetahuan yang berguna dalam menjalankan perniagaan secara efektif.